

18/05/2002

AS tidak akan dibenar campuri urusan Malaysia (HL)

Kadir Dikoh

SEPANG, Jumaat - Malaysia, walaupun sudah memulihkan hubungannya dengan Amerika Syarikat, tidak akan membenarkan sebarang campur tangan Washington dalam urusan dalaman negara ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, sementara Kuala Lumpur sanggup bertukar maklumat dengan Washington berhubung kegiatan keganasan, kerajaan tidak akan mengorbankan sebarang kepentingan Malaysia..

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, sementara Kuala Lumpur sanggup bertukar maklumat dengan Washington berhubung kegiatan keganasan, kerajaan tidak akan mengorbankan sebarang kepentingan Malaysia.

"Saya berpendapat bahawa perhubungan yang baik memang baiklah. Kita bukan nak sesuatu daripada Amerika Syarikat, cuma nak perhubungan yang baik saja.

"Namun, kita harap mereka tidak campur tangan dalam urusan dalaman negara kita seperti mana juga kita tidak suka mencampuri urusan dalaman negara lain," katanya pada sidang akhbar sebaik tiba daripada lawatan tiga hari ke Washington, di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, petang ini.

Beliau ditanya mengenai harapan Kuala Lumpur berikutan hubungan baik antara Malaysia dengan Amerika sekarang kesan lawatannya itu.

Perdana Menteri juga menegaskan, pendirian Malaysia berkaitan keganasan dan isu Palestin yang disampaikan kepada pentadbiran Presiden George W Bush tidak dipengaruhi atau menerima tekanan mana-mana pihak.

Katanya, Kuala Lumpur sememangnya sentiasa mengambil pendirian tegas mengenai isu semasa antarabangsa, terutama berkisar kepada Palestin dan keganasan.

"Ini adalah pendirian kita dan pendirian kita bukanlah kerana ada tekanan mana-mana pihak. Kita dapati pendirian ini diterima oleh semua pihak, bukan saja oleh Amerika Syarikat dan Barat, tetapi negara Islam.

"Negara Islam menerima pendirian kita dan mereka sebenarnya memberi pendapat yang positif terhadap usaha kita untuk menyelesaikan masalah Palestin." katanya.

Dr Mahathir berkata, walaupun sesetengah pihak menganggap penerimaan Barat dan negara Islam terhadap pendirian Malaysia, turut menaikkan moral negara, kerajaan berbuat demikian bukan kerana kepentingan sendiri.

"Kita buat ini kerana kita berpegang kepada keadilan untuk semua pihak. Pendekatan kita untuk menyelesaikan masalah supaya dapat dikurangkan keganasan di dunia," katanya.

Beliau berkata, Malaysia sentiasa bersedia bertukar maklumat berhubung usaha memerangi keganasan, tetapi ia tidak bermakna sesuatu menjadi urusan negara ini akan diserahkan kepada pihak lain.

Malah, Malaysia tetap dengan pendirian sebelum ini bahawa kehadiran tentera Amerika di rantau ini tidak perlu, apa lagi tiadanya cabaran atau ancaman di Asia termasuk Asia Tenggara.

Perdana Menteri menyifatkan lawatannya berjaya menyampaikan mesej mengenai apa yang dihasratkan kerana kesediaan pentadbiran Bush mendengar serta tidak menolak pandangannya.

"Dalam konteks ini, saya anggap ia berjaya. Saya juga dapat menemui kebanyakan anggota kanan kerajaan Bush. Hasrat kita untuk menyampaikan pendirian Malaysia kepadanya (Bush) tercapai terutama mengenai masalah pengganas, keadaan di rantau ini dan masalah antarabangsa.

"Saya dapati Presiden Bush sanggup mendengar dan juga menyetujui

pendapat kita khususnya berkenaan Palestin. Dia berdiri teguh berhubung pengiktirafan negara Palestin, walaupun kita tahu Parti Likud di Israel menolak penubuhan negara Palestin.

"Tetapi Presiden Bush nampak bertegas dalam perkara ini dan ia satu kemajuan yang akan menyumbang kepada penyelesaian masalah di Timur Tengah," katanya.

Beliau berkata, Bush juga mengucapkan tahniah kerana Malaysia dapat menyelesaikan masalah di Myanmar.

(END)